

**Pasca PRU13: Pemimpin Tertinggi Umno Sahut Saranan Najib Bermuhasabah Bernama**  
**12 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Saranan Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak, yang mahu anggota parti bermuhasabah dan menginsafi diri dengan memperbetul segala kelemahan, mendapat reaksi yang pelbagai daripada kepimpinan tertinggi parti itu.

Rata-rata mereka yang ditemui sependapat bahawa bermuhasabah sambil melipatgandakan usaha dalam memberi khidmat bakti kepada masyarakat mampu mengembalikan sokongan serta merapatkan jurang yang timbul selepas berakhirnya pilihan raya umum ke-13 Ahad lepas.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata dakwaan bahawa Umno parti perkauman perlu dimuhasabah dan diperhalusi kerana yang jelas, parti tunjang dalam Barisan Nasional (BN) itu adalah payung harapan yang boleh mengekalkan perpaduan semua kaum di negara ini.

Beliau berkata anggota Umno tidak perlu melatah dengan pandangan negatif yang dilemparkan, sebaliknya terus bekerja keras dan amanah dalam menjaga kebajikan seluruh rakyat.

"Anggota Umno perlu insafi diri, jangan berlagak dan sombong, jangan selepas PRU13 kita jauhi rakyat. Apa yang perlu kita lakukan adalah terus amanah dan bertanggungjawab melaksanakan aku janji yang dibuat," katanya.

Rakan sejawat beliau Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pula berkata Umno perlu mencari faktor istimewa untuk menambah kekuatan parti selain mengekalkan semangat juang yang ada supaya terus menjadi pilihan rakyat Malaysia.

"Dengan bermuhasabah, kita mampu mencari kelainan supaya parti keramat orang Melayu ini kelihatan berbeza dengan parti lain, seterusnya kekal untuk terus mendapat kepercayaan rakyat," katanya.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata di sebalik muhasabah diri yang disaran, Umno berhak merai kemenangan parti malam ini kerana memenangi 88 kerusi Parlimen berbanding 79 pada pilihan raya 2008.

Bagaimanapun, bekas presiden Umno paling lama itu menyokong saranan Najib bahawa Umno perlu bermuhasabah bagi memikirkan mengapa parti berkenaan sudah tidak sekuat dahulu dan tidak mendapat sokongan pihak tertentu.

"Pemimpin (Datuk Seri Najib Tun Razak) sudah kata dia hendak muhasabah. Kita semua kena tanya dan kaji kenapa ada perpecahan di kalangan orang Melayu.

"Bagi masyarakat Cina, kita kena tahu apa masalah dia dan kenapa dia bertindak demikian," kata Dr Mahathir sambil mengingatkan anggota Umno agar mengekalkan kelakuan yang baik dan berhemah.

Bagi Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin, amanat Najib mengingatkan semua anggota parti menerima keputusan PRU13 dan bermuhasabah mencari kelemahan yang wujud semasa pilihan raya, perlu difahamai sebaiknya oleh setiap orang.

Dalam agenda untuk terus melangkah maju ke hadapan, anggota Parlimen Rembau buat kali kedua itu berkata struktur BN selepas ini perlu dilihat semula agar kerjasama antara parti komponen dapat dikuatkan lagi sebelum menempuh PRU akan datang.

Bagi Ketua Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, amanat Presiden agar anggota parti bermuhasabah merupakan satu nasihat yang tepat pada masanya.

Beliau berkata walaupun Umno mencatat pencapaian lebih baik pada PRU13, namun itu bukan alasan untuk parti mendabik dada dan terlalu bangga dengan keputusan berkenaan.

"Pesan ini telah beberapa kali diperingatkan kepada kita. Wanita Umno sendiri akan terus mencari kelemahan dan mengatasinya untuk meraih lebih banyak sokongan.

"Sesungguhnya, kerjasama Puteri, Pemuda dan parti sayap yang lain menjadi satu gandingan efektif untuk memastikan Umno terus relevan," katanya.

Ketua Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin pula menyifatkan PRU13 sebagai medan menguji pergerakan itu yang menunjukkan prestasinya adalah lebih baik berbanding PRU sebelum ini.

"Perjuangan kita perlu kembali kepada asas di mana masih ada ruang sokongan yang tidak kita raih, dan Puteri perlu berusaha meraih sokongan itu pada PRU akan datang," katanya.

Dalam pada itu, saranan Najib yang mahu pembangkang menerima kekalahan seperti yang diputuskan rakyat Ahad lepas, disokong Parti Progresif Penduduk (PPP).

Presidennya, Datuk M. Kayveas berkata tindakan pembangkang yang terus menyelar BN menunjukkan mereka tidak mengakui proses demokrasi di negara ini.

"Bagi PPP, PRU13 kali ini adalah pembakar semangat untuk bekerja lebih keras pada masa akan datang," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949050>